



Nama Produk: Polisi Insurans Kereta E-Hailing MULA

Pemegang Polisi Induk MULA Car International Sdn Bhd ("MULA")

Nombor Polisi Induk: O285801224

Terima kasih kerana menerima Polisi Insurans Kereta E-Hailing MULA ini dan bayaran premium sebanyak **RM0.50** (termasuk 6% cukai perkhidmatan) bagi setiap perjalanan e-hailing melalui platform MULA.

Polisi ini memberi anda perlindungan sekiranya anda mengalami kecederaan akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh yang bermula dari saat anda menaiki Kenderaan E-hailing dan berakhir ketika anda turun dari Kenderaan E-hailing setelah lengkap perjalanan anda.

Perlindungan ini tergunapakai untuk setiap perjalanan e-hailing (*tidak termasuk perjalanan carter*) yang dilakukan setelah anda menerima polisi ini sehingga anda memutuskan untuk menolak polisi ini.

Anda dilindungi jika kecederaan anda menyebabkan:

Bil.	Manfaat	Pampasan (RM)
1	Kematian Disebabkan Kemalangan	25,000
2	Hilang Upaya Kekal	25,000
3	Perbelanjaan Perubatan	250
4	Pendapatan Hospital Harian (sehingga 14 hari)	100 bagi setiap hari
5	Elaun Tunai Pembedahan	1000
6	Tunai E-hailing	100

Sila klik pada [Polisi](#) dan [Risalah Pendedahan Produk](#) ini untuk keterangan lanjut mengenai terma dan syarat Polisi ini. Masa permulaan dan masa tamat perjalanan e-hailing anda adalah seperti yang direkod pada Aplikasi E-hailing anda.

Maklumat peribadi anda termasuk maklumat Nombor K/P / Nombor Pasport anda sebagai pengguna berdaftar Aplikasi Kereta E-hailing MULA mestilah tepat untuk tujuan pengenalan pelanggan.

Sijil Insurans ini dikeluarkan berdasarkan pembelian Polisi Insurans Kereta E-Hailing MULA oleh anda yang tertakluk pada terma dan syarat polisi. Sijil Insurans dan ungkapan polisi ini hendaklah dibaca bersama untuk membentuk keseluruhan kontrak antara Syarikat dan Pemegang Polisi Induk / Pemegang Sijil.

Penamaan:

Kami ingin menasihati anda untuk melantik penama (berkaitan dengan manfaat yang perlu dibayar kerana Kematian disebabkan Kemalangan) untuk mempercepat proses pembayaran polisi dengan dokumen pentadbiran yang minimum. Anda boleh memuat turun borang penamaan daripada [beneficiary-nomination-form.pdf](#) dan borang pelaksanaan yang asal mesti diserahkan kepada kami di AIG Malaysia Insurance Berhad, Aras 17, Menara Worldwide, 198 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.

Borang penamaan fizikal yang asal adalah dokumen wajib yang diperlukan sekiranya tuntutan dibuat. Jika borang tersebut tiada, kami akan merujuk kepada Perenggan 8 dan Perenggan 9 pada Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 apabila membuat bayaran wang polisi selepas kematian orang yang diinsuranskan.

Nota: Syarikat tidak akan dianggap memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar tuntutan atau memberikan apa-apa Manfaat di bawah Polisi ini sekiranya peruntukan perlindungan tersebut, pembayaran tuntutan tersebut atau pemberian manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat, syarikat induk kepada Syarikat atau entiti pengendali utamanya terhadap apa-apa sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi PBB atau sekatan perdagangan, ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah atau Amerika Syarikat..

Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi MULA Car International Sdn Bhd, atau hubungi kami di talian 1 800 88 8811 (9.00 a.m. hingga 5.00 p.m., Isnin hingga Jumaat) atau, emelkan kepada AIGMYCare@aig.com.



Polisi Insurans Kereta E-Hailing MULA diunderait oleh AIG Malaysia Insurance Berhad. AIG Malaysia Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.